

Pindaan AUKU beri kebebasan

Utusan M'sia (Dlm Negeri) Rabu 1/7/09 m/s 24

KUANTAN 30 Jun – Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, memberi kebebasan kepada mahasiswa untuk mengembangkan potensi serta bakat sebagai seorang aktivis dan pemimpin.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, pindaan itu yang dibuat pada 2008 dan diwartakan pada Februari lalu, bertujuan mengurang-

kan kawalan dan kongkongan terhadap mahasiswa dalam melakukan pelbagai aktiviti termasuk bersuara.

“Dengan itu, kita amat mengharapkan mahasiswa dapat menggunakan kebebasan tersebut dengan baik dan efisien agar kepercayaan yang diberikan tidak disia-siakan.

“Saya amat mengharapkan gerakan mahasiswa di peringkat kebang-

saan akan menjadi lebih aktif berbanding tahun-tahun sebelumnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Induksi Siswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2009 di sini, semalam.

Menurut Saifuddin, beliau amat mengharapkan agar kumpulan pertama pelajar yang mendaftar bagi sesi pengajian 2009/2010 di seluruh negara, dapat memanfaatkan peluang tersebut dengan sebaik-baiknya.

Pindaan AUKU beri kebebasan

Utusan M'sia (Dlm Negeri) Rabu 1/7/09 m/s 24

KUANTAN 30 Jun – Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, memberi kebebasan kepada mahasiswa untuk mengembangkan potensi serta bakat sebagai seorang aktivis dan pemimpin.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, pindaan itu yang dibuat pada 2008 dan diwartakan pada Februari lalu, bertujuan mengurang-

kan kawalan dan kongkongan terhadap mahasiswa dalam melakukan pelbagai aktiviti termasuk bersuara.

“Dengan itu, kita amat mengharapkan mahasiswa dapat menggunakan kebebasan tersebut dengan baik dan efisien agar kepercayaan yang diberikan tidak disia-siakan.

“Saya amat mengharapkan gerakan mahasiswa di peringkat kebang-

saan akan menjadi lebih aktif berbanding tahun-tahun sebelumnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Induksi Siswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2009 di sini, semalam.

Menurut Saifuddin, beliau amat mengharapkan agar kumpulan pertama pelajar yang mendaftar bagi sesi pengajian 2009/2010 di seluruh negara, dapat memanfaatkan peluang tersebut dengan sebaik-baiknya.